

Delegasi Jabatan Pendidikan WP Labuan Ke International Conference On Educational Measurement And Evaluation, Filipina.



23-25 Ogos 2018-Delegasi Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan yang diketuai oleh Pengarah Pendidikan W.P. Labuan, Encik Raisin bin Saidin telah menghadiri *International Conference On Educational Measurement And Evaluation* di Hotel Jen, Roxas Boulevard, Manila, Filipina. Turut bersama di dalam delegasi ini ialah Puan Norismah Abd Moin, Ketua Sektor Pengurusan Akademik dan Puan Maimoon Matnoh, Ketua Sektor Pengurusan Sekolah dari Jabatan Pendidikan W.P. Labuan. Konferens yang bertemakan *Interweaving Perspectives in Educational Assessment* ini telah dianjurkan oleh *Philippine Educational Measurement and Evaluation Association, Inc (PEMEA)*.

Konferens yang diadakan dua tahun sekali ini merupakan konferens khas yang membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan penilaian, pengukuran dan pentaksiran dalam dunia pendidikan. Sebanyak 1 *Keynote*, 5 *Plenaries*, 3 *Forums*, 1

Workshop dan 58 *Concurrent Papers* dari seluruh negara seperti Filipina, Hong Kong, Nigeria dan Malaysia telah dibentangkan di dalam konferens ini. Wakil tunggal dari Malaysia iaitu pegawai SISC+ yang bertugas di Jabatan Pendidikan W.P.Labuan, Cik Suriani Alland Rice Oxley telah membentangkan kertas kajian yang bertajuk *Enhancing Teacher's Evaluation Skill In Increasing Pupils' English Language Performances Using The Ruler Of 'Tooth Decay'* pada hari pertama di konferens ini.



Suriani Alland Rice Oxley sedang membentangkan kertas kajian beliau di International Conference On Educational Measurement And Evaluation, Filipina

Konferens ini turut membuka peluang jalinan kerjasama antara Jabatan Pendidikan W.P.Labuan (JPN W.P. Labuan) dengan *Philippine Educational Measurement and Evaluation Association, Inc (PEMEA)* di mana kesemua delegasi dari JPN W.P. Labuan ini telah ditawarkan untuk menjadi ahli PEMEA seumur hidup. Kerjasama ini merupakan satu usaha

untuk meningkatkan lagi kualiti penilaian, pengukuran dan pentaksiran dalam bidang pendidikan antara negara Filipina dan Malaysia khususnya di Labuan melalui kajian dan penyelidikan



Pengarah JPN W.P.Labuan
(berdiri no.5 dari kiri)
bersama Presiden PEMEA
(berdiri no.4 dari kiri)
bergambar bersama para
pembentang dari Nigeria.

**63 Orang Warga Jabatan
Pendidikan Wilayah
Persekutuan Labuan Menerima
Surat Kenaikan Pangkat**



Labuan – Majlis Penyerahan Surat Kenaikan Pangkat Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah berlangsung pada 23hb Julai 2018 bertempat di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri, WP Labuan.

Seramai 59 orang warga Jabatan Pendidikan menerima surat Kenaikan pangkat Time-Based Berasaskan Kecemerlangan Gred DG32 hingga Gred DG44, 4 orang Guru Besar serta seorang pegawai jabatan menerima surat pengesahan kenaikan pangkat ke Gred DG42.

72 orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan ke Gred DG42 yang memangku pada 1 Disember 2016 telah menerima kenaikan pangkat pada Februari 2017 juga akan menerima surat pengesahan kenaikan pangkat yang disampaikan melalui Pengetua dan Guru Besar.

Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan WP Labuan, Encik Raisin Saidin dalam ucapan aluan berkata, kenaikan pangkat ini akan memberi semangat dan dorongan kepada

semua guru untuk meningkatkan prestasi masing-masing, melaksanakan kerja dengan cekap dan produktif, beriltizam tinggi serta mensyukuri nikmat seperti yang terkandung dalam Teras Perkhidmatan Awam.

Suatu ketika dahulu, profesion perguruan hanyalah sebagai pilihan kedua dalam bidang pekerjaan, tetapi kini dengan penambahbaikan sistem pendidikan di Malaysia dari semasa ke semasa, profesion guru telah menjadi pilihan utama. Encik Raisin Saidin

Dengan adanya penambahbaikan laluan kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan yang memberi peluang yang luas kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan untuk menikmati kenaikan pangkat merupakan satu penghargaan dan pengiktirafan kerajaan kepada para guru.

Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah besar kewangan yang membuktikan kesungguhan kerajaan memberi pengiktirafan kepada usaha guru dalam membentuk modal insan yang berpersonaliti unggul.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua warga jabatan yang terus-menerus menyumbangkan khidmat bakti tanpa mengira masa dan tenaga dalam mempertingkatkan prestasi Kementerian Pendidikan Malaysia demi melihat kemenjadian anak-anak murid di Labuan.



Encik Saiful menerima surat kenaikan pangkat daripada Pengarah, Encik Raisin Saidin

**Perhimpunan Bulanan JPWPL,
Julai 2018 : Bersungguh-
sungguh Menjana Kemenjadian
Murid**



Labuan, 23 Jul – Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah mengadakan Perhimpunan Bulanan bagi bulan Julai 2018 di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri, hari ini.

Dalam ucapan amanat Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin pada perhimpunan ini lebih menjurus kepada aspek kualiti sekolah dan kemenjadian murid.

Beliau menyeru agar pihak sekolah bersungguh-sungguh menjana kemenjadian murid mengikut tahap pertumbuhan umur, fizikal dan mental mereka. Kemenjadian murid dilihat melalui hasil keberkesanan proses persekolahan secara holistik.

Aktiviti sekolah haruslah menjurus kepada kemenjadian murid dan kualiti sekolah selaras dengan fokus dalam Gelombang Kedua, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Bagi mengukur tahap kualiti sekolah, Standard Kualiti Pendidikan Malaysia gelombang 2 atau dikenal sebagai SKPMg2 yang dibangunkan oleh Jemaah Nazir dan jaminan

kualiti merupakan instrumen komprehensif yang wajar menjadi panduan yang praktikal kepada semua sekolah.

Pengetua, Guru Besar dan sekolah harus bersedia [MELANGKAH KE HADAPAN](#) seiring dengan pelaksanaan gerak kerja profesional KPPM 2018.

Pentaksiran berasaskan sekolah adalah anjakan paradigma dalam penilaian akademik dan bukan akademik, yang sentiasa memerlukan penguatkuasaan untuk penambaan berterusan. Encik Raisin Saidin.

Kemahiran setiap murid mempunyai keunikan yang tersendiri, tanpa perlu dibandingkan.

Beliau berkata, bagi merealisasikan hasrat kemenjadian murid, memerlukan penekanan kepada pembinaan kemahiran dan sahsiah murid serta tidak menjadikan peperiksaan sebagai matlamat utama semata-mata.

Terdahulu, majlis diserikan dengan meraikan kenaikan pangkat dan persaraan kepada warga pendidikan Labuan.

Perhimpunan dimulai dengan nyanyian lagu Negaraku, lagu Maju Sejahtera, bacaan doa dan ikrar perkhidmatan awam.

Seterusnya perkongsian ilmu oleh Pengetua Guru Besar, persembahan nyanyian lagu sekolah dan muzik angklung dari sekolah-sekolah Labuan, penyampaian sijil anugerah kepada jabatan dan sekolah, *staff of the month* dan sambutan hari jadi kepada warga pendidikan yang lahir pada bulan Julai 2018.

Perhimpunan ini dihadiri oleh Ketua-Ketua Sektor, para Pengetua dan Guru Besar, Pegawai-Pegawai dan Staf Jabatan.



Warga pendidikan yang diraikan Kenaikan Pangkat

Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri JPWPL 2018



Labuan – Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2018 Peringkat Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) telah berlangsung sederhana dan meriah di Dewan SK Layang-Layangan pada 12hb Julai 2018.

Pada awal pagi, majlis bermula dengan Majlis Hari Bertemu Pelanggan, Majlis Pemuafakatan Pendidikan Bersama Agensi Kerajaan, Persatuan Ibu Bapa dan Guru serta komuniti.

Disusuli dengan Majlis Jasamu Dikenang bagi menghargai warga pendidikan yang telah bersara.

Warga pendidikan dan orang ramai termasuk dari agensi-agensi lain mula membanjiri rumah terbuka JPWPL bermula pukul 12.00 tengahari sehingga pukul 3.30 petang.

Pelbagai juadah dihidangkan yang telah disediakan oleh setiap sektor, Majlis Pengetua Sekolah Menengah Labuan dan Majlis Guru Besar Labuan.

Antaranya adalah nasi hujan panas, mee kari, soto, rendang, kelupis, sup daging, laksa, mee sup dan beraneka macam lagi juadah dihidangkan.

Dr Hyginus SMK Mutiara memenangi Silver Award (Anugerah Perak) di International Invention and Innovative Competition Series 1/2018



Dr Hyginus Lester Junior Lee, Guru Kanan Bidang Kreativiti dan Inovasi SMK Mutiara telah menyertai

International Invention and Innovative Competition Series 1/2018 yang berlangsung pada 12 Mei 2018 (Sabtu) di Hotel Federal Kuala Lumpur.

Beliau bertanding di bawah kategori profesional untuk jurusan sains sosial.

Inovasi yang dipertandingkan ialah “I SPY 5 Stars Version 2.0”, alat bantu mengajar bahasa Inggeris untuk topik “subject-verb agreement (SVA) dan plural forms”.

Baca Lanjutan Berita ini di [Laman Web Rasmi SMK Mutiara](#)

Majlis Pelancaran Gerakan Massa Terima Kasih Cikgu



Labuan, 3 MEI – Kumpulan Penggerak Pelibatan Ibu bapa dan Komuniti Kebangsaan (KPPIBKK) negeri WP Labuan telah menganjurkan “Majlis Pelancaran Gerakan Massa Terima

Kasih Cikgu” buat kali pertama bagi seluruh Malaysia.

Sekolah Kebangsaan Layang-Layangan telah terpilih selaku tuan rumah diketuai oleh Puan Hj Dayang Damit@Saidah Md Yassin bagi majlis ini yang melibatkan 17 buah sekolah rendah, 9 buah sekolah menengah, Sekolah Menengah Agama dan Kolej Vokasional Labuan.

Majlis ini dianjurkan bersama Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan WP Labuan, Kumpulan Penggerak Pelibatan Ibu bapa dan Komuniti Negeri (KPPIBKN), Yang Dipertua PIBG/Setiausaha PIBG , dan Kumpulan Sokongan Ibu bapa (KSIB).

Program ini diadakan untuk memberi penghargaan ‘Terima Kasih Cikgu’ dengan menggalakkan ibu bapa dan komuniti terlibat sama dalam meraikan sambutan Hari Guru peringkat sekolah, PPD dan JPN.

Di samping itu, meningkatkan permuafakatan, kerjasama, sikap kebersamaan dan kesepunyaan bahawa sekolah adalah milik masyarakat. Majlis ini juga berkonsepkan “Permuafakatan dan kerjasama ibu bapa, komuniti dan pihak swasta memberi penghargaan, meraikan, menghargai dan mengucapkan ‘Terima Kasih Cikgu’ kepada warga pendidik.”



Penyerahan Bunting Terima kasih cikgu daripada Yang Dipertua PIBG Encik Mamdoh kepada Guru Besar SK Pekan Satu, Puan Anita

Pelbagai acara dan aktiviti telah dilaksanakan bagi menggambarkan penghargaan dan terima kasih kepada warga pendidik . Penyerahan Bunting Terima kasih cikgu daripada Yang Dipertua PIBG kepada Pengetua dan guru besar sekolah masing-masing.

Anugerah Terima kasih Cikgu, Jasamu dikenang dijadikan satu platform untuk menzahirkan ingatan bekas-bekas murid kepada bekas guru yang disayangi.

Tuan Hj Ahmad bin Hj Tamin telah dinobatkan penerima Anugerah Terima Kasih Cikgu Jasamu dikenang bagi tahun 2018.

Penerima anugerah menerima Sijil Penghargaan dari Jabatan Pendidikan WP Labuan dan wang tunai sumbangan daripada bekas murid penerima anugerah sendiri iaitu Senator Datuk Hj Bashir bin Hj Alias, Ahli Dewan Negara Malaysia, RM 1,000, Datuk Mohd Rafi bin Datuk Alli Hassan, Ketua Pemuda WP Labuan, RM500.00 dan Tn Hj Yussuf bin Hj Chucu RM 500.00.



Encik Raisin Saidin menyampaikan sijil penghargaan kepada Tn Haji Ahmad, penerima Anugerah Terima Kasih Cikgu Jasamu dikenang bagi tahun 2018

Encik Raisin Saidin, Pengarah Pendidikan Labuan dalam ucapannya , KPPIBKK dapat berganding bahu secara mantap dalam menzahirkan penghargaan terhadap segala jasa dan pengorbanan guru.

Beliau berharap kepada semua pihak samada yang terlibat dalam bidang pendidikan mahupun masyarakat di segenap lapisan wajar dan mampu menzahirkan rasa terima kasih mereka kepada golongan guru yang bukan sahaja menabur bakti malah mengorbankan diri untuk melahirkan dan membentuk generasi berilmu dalam sebuah negara yang berdaulat, maju serta berdaya saing.

Puan Zaliha binti Mohd Salleh, selaku Pegawai Meja PIBK,JPNWPL memaklumkan program Terima kasih Cikgu ini akan diadakan setiap tahun untuk mengenang jasa-jasa guru yang masih berkhidmat maupun yang sudah bersara.



Para Pengetua dan Guru Besar Bersama Bunting Gerakan Massa Terima Kasih Cikgu

Tuan Hj Yussuf bin Hj Chucu juga melahirkan rasa kesyukuran dengan adanya program ini. Beliau berkata program ini bukan sahaja dapat memberi kesempatan menghargai dan mengucapkan terima kasih atas jasa-jasa guru-guru, sekurang-kurangnya dapat memberi keceriaan kepada guru-guru bahawasanya jasa mereka akan tetap dikenang selama-lamanya.

Tn Hj Yussuf juga merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan WP Labuan kerana mengiktiraf usaha KPPIBKK atas perkongsian strategik ini.

Senator Datuk Hj Bashir bin Hj Alias , Ahli Dewan Negara Malaysia dalam ucapan perasmianya turut mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pendidikan WP Labuan dan Kumpulan Penggerak Pelibatan Ibu bapa dan Komuniti Kebangsaan (KPPIBKK) negeri WP Labuan kerana berjaya mengadakan majlis yang gemilang ini.

Program ini mencerminkan usaha dan bukti kepada permuafakatan kerjasama, sikap kebersamaan, kesepunyaan di antara pelbagai pihak dengan Kumpulan Penggerak Ibu

Bapa Komuniti sekaligus menunjukkan bahawa pendidikan kita di Malaysia ini adalah milik masyarakat.

Beliau juga berharap agar program ini dapat diteruskan dan memberi peluang terbaik untuk guru-guru dihargai dalam bidang pendidikan bersama permuafakatan ahli Kumpulan Penggerak Ibu Bapa Komuniti seluruh Labuan, PIBG, PIBK, Komuniti, Sektor Swasta dan Korporat.



Gambar Kenangan, Terima Kasih Cikgu !

Turut hadir, Datuk Hajah Aini Binti Safar, Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita WP Labuan, Datuk Khalid Bin Abd. Ghani, Puan Hjh Fauziah Binti Datuk Hj. Mohd. Din, Puan Maimoon bin Hj Matnoh, Encik Omar Baki Bin Matusin, Pengerusi KPPIBKK, Ketua-ketua Jabatan, Ketua Polis Labuan, Pengetua dan Guru Besar dan penerima anugerah Terima Kasih Cikgu Jasamu dikenang.

250 Orang Guru Diraikan Dalam Majlis Makan Malam Hari Guru 2018



Labuan – Seramai 250 orang guru telah diraikan dalam Majlis Makan Malam Hari Guru 2018 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan yang telah diadakan pada 30hb April 2018 di salah sebuah hotel di Labuan.

Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin menzahirkan rasa syukur di atas penganjuran Sambutan Hari Guru 2018 Peringkat WP Labuan yang telah berlangsung dengan jayanya.

Bertemakan Malam Untaian Kasih, Tuaian Budi , majlis dimulai dengan acara pemotongan kek iaitu simbolik kepada Majlis Sambutan dan Makan Malam Hari Guru 2018 Labuan.

Di majlis tersebut, pelbagai anugerah juga turut disampaikan iaitu Guru Inovatif Pra Sekolah, Guru Inovatif Sekolah Menengah dan Rendah, Guru Inovatif Berkumpulan, Ikon Guru dan Anugerah Kepimpinan Teknologi

Maklumat dan Komunikasi (TMK).

Sambutan Hari Guru 2018 WP Labuan pada tahun ini dimeriahkan lagi dengan Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil, Majlis Gerakan Massa Terima Kasih Cikgu, Pertandingan Boling Padang, Kempen Derma Darah, Bual Bicara Hari Guru dan Menziarahi rakan-rakan guru.

Program yang dirancang ini adalah untuk meraikan dan menzahirkan terima kasih kepada pengorbanan para guru serta mengeratkan silaturrahim di kalangan guru dan juga komuniti setempat.

Terima kasih kepada Bank Islam dan Bank Rakyat di atas sumbangan sempena Sambutan Hari Guru 2018, peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.



Encik Sawal dan Puan Murni dinobatkan sebagai King dan Queen Malam Untaian Kasih, Tuaian Budi 2018

Maitah Be'inovasi @ WP Labuan Julung kali diadakan



Labuan – Program Mai Tah Be'inovasi anjuran Jabatan Pendidikan WP Labuan yang berlangsung pada 27-28hb April 2018 bertempat di aras 2 Kompleks Ujana Kewangan merupakan program julung kali diadakan dan turut disertai oleh peserta-peserta dari luar Pulau Labuan.

Peserta dari Sabah, Sarawak, Perak, Melaka, Pahang, Perlis, Johor dan WP Kuala Lumpur turut berkampung dalam program ini. Kolaboratif yang berjaya diwujudkan dalam kalangan warga pendidik ini membuktikan JP WP Labuan telah menyahut seruan Kementerian Pendidikan supaya budaya berinovasi dikongsi bersama merentasi sempadan.

Program ini merupakan suatu usaha pihak Jabatan Pendidikan untuk menggabungkan kepelbagaian inovasi dan kreativiti dalam bentuk perkongsian interaktif dan pertandingan .

Inovasi guru melalui Teacher Innovation Competition (TIC) ini melibatkan guru dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat sekolah menengah, termasuk guru-guru dari Pendidikan Khas juga terlibat sama.

Di samping itu, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) juga turut dipertandingkan dalam program ini.

Objektif utamanya adalah untuk memberi peluang kepada guru-guru mempamerkan hasil inovasi dan idea kreatif mereka dalam mendidik anak murid di samping mempromosi hasil inovasi dan kreativiti kepada orang awam melalui pameran bahan-bahan inovasi yang dipertandingkan.

Majlis Pembukaan telah dirasmikan oleh Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin bin Saidin.

Beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua jawatankuasa program yang diurusetikan oleh Sektor Jaminan Kualiti kerana berjaya membentuk dan membudayakan inovasi dalam kalangan guru-guru.

Inovasi merupakan satu cara untuk membina satu perkara yang baharu atau membuat satu pembaharuan. Dalam hal ini, sebarang inovasi yang dilakukan oleh para guru dapat menyemarakkan idea kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Di awal program, pengunjung disajikan dengan perkongsian ilmu mengenai kejayaan individu dalam inovasi yang dinamakan sebagai Jom KICK iaitu (Kongsi Inovasi, Cerita Kreativiti).



Pengetua, Encik Sahar bersama Pemenang KIK SMK Pantai

Pertandingan Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) telah dimenangi oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Pantai IBWS dengan tajuk inovasi e-Relief, naib johan ialah SMK Taman Perumahan Bedaun dan tempat ketiga ialah SMK Mutiara.

Manakala bagi Pertandingan Teacher Innovation Competition (TIC), Anugerah Platinum telah dimenangi oleh :

1. Anugerah Platinum Kategori Induvidu Sekolah Rendah (Amatur) – Puan Nancy Ng Yut Kuan
2. Anugerah Platinum Katerogi Invividu Sekolah Menengah (Amatur) – En. Mohd Azlan bin Mohd Rani (SMK Labuan)
3. Anugerah Platinum Kategori Berkumpulan PPKI (Amatur) Izrah bin Jumdail & Shirley Liew Fui Mui daripada SK Sungai Anib III, Sandakan, Sabah

Panel Juri terdiri daripada Prof Madya Dr Noorhafiza bt Muhammad Universiti Malaysia Pahang, Encik Tany Anthony Kiob, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Inovasi Malaysia dan Tuan Lt. Kol. Mohd Ghazali Abdul Rahman, Pegawai Tentera Darat Malaysia.

Majlis Perasmian Penutup Maitah Be'inovasi telah disempurnakan oleh Cik Khaziyati Osman, Ketua Sektor Sektor Jaminan Kualiti, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sambutan Hari Guru 2018, Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan



Labuan – Bertemakan Guru Pemacu Transformasi Pendidikan,

sambutan Hari Guru Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan Tahun 2018 telah berlangsung dengan penuh ceria dan harmoni pada 26 April 2018 bertempat di Dewan Serbaguna Perbadanan Labuan.

Majlis telah disempurnakan oleh YB Senator Datuk Hj. Bashir Bin Haji Alias, Ahli Dewan Negara.

Beliau menzahirkan rasa terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan terhadap komitmen, keikhlasan, dedikasi serta prestasi tinggi yang ditunjukkan oleh para guru bagi melahirkan modal insan dalam merealisasikan transformasi negara dapat dicapai.

Sebagai arkitek sosial, guru mempunyai tanggungjawab besar, bukan sekadar memberi pendidikan dan menyampaikan ilmu malah dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan transformasi pendidikan yang dicita-citakan negara iaitu sebagai agen menyempurnakan akhlak.



Sementara itu, dalam ucapan aluan, Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin menyeru guru-guru Wilayah Persekutuan Labuan memastikan roh guru sentiasa mendarah daging dalam setiap diri guru, seterusnya mengangkat harga dan maruah diri murid-murid di Wilayah Persekutuan Labuan.

Justeru itu, guru perlu sentiasa bersedia untuk berubah, melaksanakan tugas dari cara biasa kepada luar biasa,

berdaya tahan, futuristik dan berfikiran aras tinggi serta *world class thinking*.

Puan Hajah Zaleha Hj Kurus telah dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Guru Peringkat WP Labuan Tahun 2018 di atas sumbangan bakti penuh dedikasi yang telah dicurahkan kepada dunia pendidikan.

Majlis juga dihadiri oleh Pengarah Bahagian Pendidikan Swasta, Datin Sri Hajah Nor Zamani binti Abdil Hamid, Pengarah Kolej Matrikulasi Labuan, Tn. Hj. Mohd Yusof bin Samad, Pengetua SMK Labuan Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengelola, Encik Ismail Bin Abdullah, Yang DiPertua Majlis Guru Besar Labuan, En. Jaafar bin Matusin dan Pengerusi Persatuan Pesara Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, Datin Hajah Dayang Pungut binti Abdul Jalil, Ketua-Ketua Sektor, Para Pengetua dan Guru Besar serta seluruh warga pendidik di Labuan.



Anugerah Penampilan Terbaik – SK Bukit Kalam

SK Bukit Kalam telah dinobatkan sebagai Anugerah Penampilan Terbaik sepanjang Majlis Sambutan Hari Guru 2018 berlangsung. Majlis turut memberi penganugerahan

kepada penerima Anugerah Anak Guru Cemerlang.

Dalam majlis tersebut, YB Senator Datuk Hj. Bashir juga berkesempatan melancarkan buku Pembelajaran Abad Ke 21 Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.



Datin Sri Hajah Nor Zamani menyampaikan Anugerah Anak Guru Cemerlang sambil diperhatikan oleh Encik Raisin Saidin

APC 2017, Hargai Sumbangan Warga JPWPL



LABUAN – Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2017 peringkat Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah diadakan pada 24 April 2018 bertempat di salah sebuah hotel di Labuan bagi menghargai sumbangan warga JPWPL yang telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang sepanjang tahun 2017.

Seramai 121 orang warga Jabatan Pendidikan telah terpilih untuk menerima penghargaan di atas kecemerlangan yang ditunjukkan sepanjang tahun lepas, tahun 2017.

APC merupakan satu pengiktirafan kepada anggota yang telah berusaha secara berterusan melaksanakan kerja dengan cekap dan produktif, beriltizam tinggi serta mensyukuri nikmat seperti yang terkandung dalam Teras Perkhidmatan Awam.

Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik

Raisin bin Saidin mengucapkan syabas dan tahniah kepada warga pendidikan yang telah berjaya menunjukkan prestasi kerja yang mencapai tahap yang terbaik sehingga terpilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada kali ini.

Pencapaian cemerlang ini merupakan pemangkin kepada usaha-usaha kerajaan dan Kementerian untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara, sesuai dengan tema Majlis APC kita pada tahun ini, "Warga Cemerlang Pemangkin Transformasi Pendidikan".



Para Pengetua dan Guru Besar yang sentiasa memberi sokongan dan dorangan kepada warga pendidik